

Sihir kedai tak nampak

[Fairul Asmaini Mohd Pilus](#), [Sudirman Mohd Tahir](#), [Lydia Saiful dan Suhaila Khairie](#)

rencana@hmetro.com.my



UMAT Islam dilarang menggunakan sihir untuk apa juga tujuan sekalipun kerana ia hanya menyebabkan penderitaan.

Kuala Lumpur: "Sebelum memulakan perniagaan setiap pagi, saya kerap menemui duit syiling bertaburan di sekeliling gerai dan ada ketika sehingga 15 keping duit syiling ditemui," kata peniaga makanan Sham Bodin, 53, yang menjadi mangsa perbuatan sihir.

Katanya, pada peringkat awal, jualanannya mendapat sambutan ramai dan dia tidak menang tangan menerima tempahan.

Namun secara tiba-tiba gerai jualanannya kurang dikunjungi pelanggan hingga satu peringkat hanya 20 keping roti canai mampu dijual sehari.

"Memang seksa dibuatnya berikutan saya menyara keluarga melalui hasil jualan makanan, saya hampir terduduk dibuatnya.

"Mujurlah saya sedar awal dan berikhtiar menyingkirkan sihir dikenakan itu mengikut cara perkongsian dimuat naik di TikTok Pusat Rawatan AI Idrus (PRAI)," katanya.

Menurutnya, atas saranan ibu saudaranya, dia turut mendapatkan nasihat seorang ustaz yang memaklumkan gerai jualanannya dihantar 'sesuatu' oleh seseorang.

Dia yakin perniagaannya di Rawang, Selangor, menjadi mangsa sihir berikutan perniagaannya pulih kembali selepas sihir itu dibuang.

"Ramai yang singgah di gerai saya bertanyakan soalan pelik 'kedai makan saya baru dibuka ke'?"

"Mereka mendakwa tidak pernah ternampak gerai jualan milik saya meskipun terletak di simpang jalan. Pandangan mata mereka seolah-olah ditutup dengan sesuatu," katanya.

Kata Sham, atas nasihat keluarga, dia akhirnya mengambil keputusan berpindah ke lokasi baharu iaitu berdekatan kawasan kilang.

Katanya, memang tidak mudah berpindah dan berniaga di tempat baharu berikutan perlu bermula dari awal.

"Namun Alhamdulillah, sambutan yang diterima memang menggalakkan dan kini jualan makanan dapat dihabiskan sebelum jam 8 pagi lagi.

"Di tempat baru ini, saya juga tidak pernah menemui syiling atau 'barang' berkaitan sihir lagi. Saya harap serangan sihir ini tidak lagi berulang.

"Sebelum ini saya kurang percaya berhubung sihir 'tuju-tuju' perniagaan. Namun apabila terkena, barulah saya sedar betapa teruk kesannya kepada mangsa," katanya.

Mengulas lanjut, bapa kepada seorang anak itu berkata, dia beranggapan bahawa semua yang berlaku adalah asam garam dalam berniaga.

Katanya, sebelum ini dia ada membaca mengenai kejadian sihir perniagaan namun menyangka hanya restoran besar sahaja yang menjadi mangsa.

"Rupa-rupanya ia boleh terkena kepada mana-mana peniaga, termasuk peniaga gerai kecil di tepi jalan. Apapun, berhati-hatilah jika ada terjumpa banyak wang syiling di kawasan perniagaan.

"Jangan cuba untuk sentuh kerana ia dikhuatiri adalah bahan sihir yang dihantar untuk memudaratkan anda serta orang di sekeliling.

"Ia boleh dibuang menggunakan ayat suci Al-Quran, garam dan lada hitam," katanya.

Adib tutup kedai sebelum keadaan jadi lebih teruk

"Lebih baik saya tutup kedai daripada benda (sihir) itu memudaratkan saya dan keluarga," luah pengengaruh Adib Aidil, 25.

Ia susulan tular mengenai kisah Adib yang mengusahakan perniagaan Banana Dibs apabila gerai yang dibuka di Melaka itu didakwa disihir sehingga ditutup.

Menurutnya, dia perlu menjelaskan perkara itu bagi mengelakkan salah faham dalam kalangan pelanggannya.

"Ramai tanya dan marah kenapa saya tak buka gerai, sedangkan ia buka saja. Malah ada tanya kenapa saya tutup kedai tak beritahu. Jadi, saya buat siaran langsung di TikTok bagi menjelaskan perkara sebenar dan bukan ingin menyalahkan mana-mana pihak.

"Pada akhirnya saya buat keputusan untuk tutup terus gerai sebelum 'benda' itu kacau keluarga atau diri saya. Mungkin perkara sebegini ada orang percaya dan tidak.

"Kalau ikutkan keluarga saya juga berniaga dan pernah terkena pun. Jadi, bagi mereka yang pernah alami akan faham. Sebaliknya, mungkin anggap saya kolot. Disebabkan itu, saya ambil langkah berjaga-jaga," katanya kepada Harian Metro.



ADIB.

Menurutnya, dia kini hanya memberi fokus pada satu cawangan utama di Kajang, Selangor selain menyertai pelbagai acara dan festival.

Pada masa sama, Adib berkongsi dia sudah memulakan kerjaya sebagai juruterbang di sebuah syarikat penerbangan swasta dalam negara.

"Sebelum ini saya agak lama senyap di media sosial sebab menjalani kursus dan peperiksaan. Sebab itu juga jarang ada di kedai. Alhamdulillah, cita-cita nak menjadi juruterbang dah tercapai.

"Insya-Allah, walaupun sudah bekerja saya tetap memberi fokus pada perniagaan ini," katanya.

Lumur najis manusia pada pagar premis disihir!

Najis manusia, tanah kubur, air mandian mayat dan cebisan kain kafan antara barangan sering digunakan dalam sihir perniagaan untuk membuatkan pelanggan tidak nampak atau merosakkan produk makanan dijual.

Selain itu, tulang atau bangkai haiwan seperti anjing hitam atau kelawar, duit syiling lama (yang dibaca mentera menyeru syaitan), pasir kemenyan, garam kasar dan tulisan wafak (tertulis nama syaitan atau pujian kepada iblis) sering digunakan untuk tujuan menjejaskan perniagaan mangsa sehingga terpaksa menutup kedai kerana pelanggan tidak nampak ia beroperasi.

Pengasas Pusat Rawatan Islam Terapi Bil Quran, Ustaz Herman Sudil berkata, barangan itu juga digunakan untuk merosakkan produk jualan makanan seperti menjadikan makanan cepat basi, lauk mengandungi ulat atau kaca, rasa tidak sedap dan sebagainya.

Katanya, najis manusia digunakan biasanya dibuang di kawasan premis perniagaan itu atau dilumur di kawasan pagar premis berkenaan.

Menurutnya, berdasarkan pengalaman, ada kes aneh berlaku di sebuah taska apabila ramai muridnya menangis sebaik sahaja dihantar ibu bapa ke premis berkenaan.

"Apabila ditanya, kebanyakan mereka mengatakan ada melihat 'lembaga' di depan pagar.

"Bimbang perkara lebih buruk berterusan, pihak pengurusan taska meminta bantuan pihak Pusat Rawatan Islam Terapi Bil Quran untuk membantu.

"Apabila tiba di taska itu, kami berjalan di sekeliling taska berkenaan dan menemui lumuran najis manusia di pagar premis itu. Ia adalah 'barangan' digunakan untuk tujuan sihir kepada taska terbabit bagi menakutkan kanak-kanak di taska berkenaan.

"Buhul sihir ini akan diletakkan dalam premis perniagaan atau ditanam di depan, tepi atau belakang tempat perniagaan berkenaan. Namun ada juga diselitkan di belakang tempat makan atau juruwang tanpa disedari pemiliknya," katanya kepada Harian Metro.



PAGAR sebuah taska yang dilumuri najis akibat perbuatan sihir.

Beliau berkata, bagi mengesan tanda sihir dihantar kepada pemilik perniagaan pula, Herman berkata, seseorang itu biasanya berasa malas, lesu, tidak bersemangat ke tempat perniagaan ataupun hilang minat berniaga secara tiba-tiba tanpa sebab.

Selain itu, peniaga itu juga biasanya akan mengalami sakit misteri yang tidak dapat dikesan oleh perubatan moden, rasa berat di bahagian belikat atau cepat beremosi, marah melampau dan hilang semangat bila sampai di premis perniagaan.

Kata Herman, simptom itu biasanya dialami di sekitar kawasan kedai berkenaan dan pemilik tidak rasa sakit atau beremosi negatif jika berada di luar premis.

"Ada juga kes apabila sihir dihantar kepada ahli keluarga sehingga mereka menderita sakit dan histeria.

"Ini memaksa pemiliknya mengambil keputusan menutup kedai yang sedang popular walaupun perniagaannya berjalan lancar sejak lima tahun.

"Peniaga terbabit menyedari perniagaannya disihir apabila ahli keluarga sering sakit dan mula menjumpai barangan pelik seperti bungkusun kuning berisi tulang, pasir, kemenyan, paku dan sebagainya di kedai.

"Mangsa juga pernah mengalami kejadian aneh apabila lauk-pauk termasuk sayur dan asam pedas yang baharu dimasak menjadi berlendir basi mendadak. Selain itu ada pelanggan menemui butiran kaca dalam makanan mereka," katanya.

Jelas Herman lagi, sihir yang ditujukan kepada pemilik perniagaan juga menyebabkan hubungan individu terbabit dengan suami atau isteri menjadi 'panas' dan anak selalu tidak sihat.

"Biasanya tujuan si penghantar sihir ini bertujuan membuatkan mangsa tidak boleh fokus kepada perniagaan apabila rumah tangga dan keluarga bermasalah," katanya.

Menurutnya, individu terkena sihir perniagaan juga sering bermimpi ular, kala jengking, binatang berbisa ataupun bertaring.

"Selain itu, mangsa juga bermimpi perkara menakutkan hingga sukar tidur malam seperti kedai didatangi banyak ulat, mayat bergelimpangan ataupun banjir darah," katanya.



TULANG binatang ditemui yang dibungkus dengan kain berwarna dan ditanam untuk tujuan sihir.

Herman berkata, antara tanda sihir dihantar kepada kedai atau sesebuah premis perniagaan adalah seperti perniagaan yang sebelum ini maju merosot mendadak.

Premis perniagaan itu juga selalu kelihatan tidak beroperasi pada pandangan pelanggan padahal ia dibuka setiap hari.

"Pekerja kedai pula kerap jatuh sakit secara tiba-tiba, ada yang mengalami histeria, bergaduh tanpa sebab, berasa panas apabila berada di premis berkenaan dan tidak dapat bekerja seperti biasa hingga menjejaskan operasi perniagaan kedai.

"Namun peniaga harus ingat bahawa kadang kala bukan semua disebabkan sihir sesuatu perniagaan itu boleh jatuh. Banyak faktor lain antaranya kualiti produk makanan yang dijual, mutu layanan perkhidmatan kepada pelanggan dan pelbagai aspek pengurusan lain yang perlu ditambah baik," katanya.

Dalam pada itu, Herman turut menasihatkan peniaga supaya sentiasa menjaga solat dan ibadah kepada Allah SWT selain memohon perlindungan-Nya.

Kata Herman, amalan syirik dan khurafat seperti penggunaan tangkal, pelaris boleh merosakkan akidah kerana menduakan Allah SWT.

"Amalkan zikir pagi dan petang seperti yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW dan amalkan juga makan kurma ajwa tujuh biji setiap pagi kerana ada hadis mengatakan ia dapat membantu mengelakkan sihir.

"Sekiranya mengesyaki kedai terkena sihir, boleh amalkan membaca surah al Baqarah di premis perniagaan dan berdoa kepada Allah SWT supaya batalkan sihir-sihir terbabit.

"Boleh amalkan juga menyediakan air dan bacakan ayat al Quran seperti surah Al-Fatihah, ayat Kursi dan surah tiga Qul lalu direnjis ke semua kawasan sekitar premis perniagaan," katanya.

'Perbuatan jatuh syirik, dimurkai Allah SWT'

Amalan menggunakan sihir untuk menutup periuk nasi peniaga dan melariskan jualan sendiri adalah perbuatan khurafat yang boleh memakan diri sendiri.

Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Profesor Madya Dr Mahyuddin Ismail berkata, tujuan menghantar sihir perniagaan bertujuan menutup rezeki seseorang peniaga.

Katanya, ada kes perniagaan makanan dan minuman hampir 'lingkup' angkara perbuatan sihir yang menyebabkan pelanggan berkurangan.

"Malah pada hari tertentu, langsung tiada pembeli berkunjung ke kedai berkenaan.

"Bagi sihir penutup rezeki contohnya, ada pengamal menampal gula-gula getah pada meja makan restoran dan pendapatan yang diperoleh pemilik perniagaan itu

menurun kepada RM200 ke RM300 sehari berbanding sekitar RM5,000 hingga RM10,000 sehari.

"Perbuatan sihir ini sudah wujud dan diamalkan sejak sekian lama. Ia bukanlah perkara baharu atau rekaan. Semuanya berpunca penyakit hati yang tidak diperbaiki hingga mengakibatkan hasad dengki, dendam, marah dan sebagainya menguasai jiwa," katanya.



DR Mahyuddin.

Menurut Mahyuddin lagi, terdapat banyak cara dalam ajaran Islam menghilangkan pengaruh sihir antaranya membaca Surah Al-Baqarah di premis berkenaan.

Selain itu, boleh diamalkan melaungkan azan di dalam premis berkenaan sebanyak tujuh kali.

"Pemilik perniagaan juga boleh mengamalkan bacaan ayat Manzil serta tahlil 1,000 kali sehari semasa berniaga.

"Namun jika kes lebih serius, disyorkan mendapatkan bantuan dari perawat Islam yang mahir dan berpengalaman menangani situasi itu," katanya.

Sementara itu, Mahyuddin berkata, setiap penyakit ada ubatnya namun paling penting mengetahui tepat punca gangguan berkenaan.

"Jika tersilap mengenalpasti punca, masalah terbabit tidak dapat diselesaikan," katanya.

Menurutnya, umat Islam dilarang menggunakan sihir untuk apa juga tujuan sekalipun kerana ia hanya menyebabkan penderitaan.

"Selain itu, orang yang menggunakannya juga boleh jatuh syirik dan ia perbuatan dimurkai Allah SWT.

"Kepada semua peniaga, ingatlah rezeki adalah ketentuan Allah SWT, jadi biarlah kita susah sekejap dalam mencari rezeki halal di dunia, tetapi bahagia dan diredai Tuhan di akhirat sana," katanya.

Disiarkan pada: Januari 7, 2024 @ 12:00pm